

# Hubungan Kecerdasan Pelbagai dengan Pencapaian Murid Sekolah Rendah dalam Pembelajaran Bahasa Melayu

Nurderina Mohamad Aliman<sup>1\*</sup>, Shahlan Surat<sup>1</sup>

<sup>1</sup> Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Malaysia

\*Pengarang Koresponden: [p118774@siswa.ukm.edu.my](mailto:p118774@siswa.ukm.edu.my)

Received: 25 January 2024 | Accepted: 10 March 2024 | Published: 31 March 2024

DOI: <https://doi.org/10.55057/jdpd.2024.6.1.25>

**Abstrak:** Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti hubungan antara kecerdasan pelbagai dan pencapaian pelajar dalam bahasa Melayu di sekolah rendah. Kajian ini merupakan kajian kuantitatif yang menggunakan kaedah tinjauan. Data dikutip menggunakan borang soal selidik dan dianalisis menggunakan perisian statistik untuk sains sosial versi 22 serta dibentangkan dalam bentuk min, sisihan piawai dan peratusan. Data dikumpul melalui borang soal selidik daripada 156 responden yang dipilih secara rawak daripada 5 buah sekolah rendah swasta di daerah Miri, Sarawak. Hasil kajian menunjukkan terdapat hubungan antara kecerdasan pelbagai dan pencapaian pelajar. Artikel ini akan menerangkan konsep kecerdasan pelbagai, kaedah kajian, analisis data, serta implikasi hasil kajian terhadap sistem pendidikan.

**Kata Kunci:** Kecerdasan Pelbagai, Pencapaian Pelajar, Bahasa Melayu, Sekolah Rendah

**Abstract:** This study aims to identify the relationship between various intelligences and students' achievement in Malay in primary schools. This study is a quantitative study that uses review methods. Data were quoted using research questions and analyzed using statistical software for social science version 22 and presented in the form of min, standard allowance and percentage. Data was collected through a questionnaire form from 156 respondents randomly selected from 5 private elementary schools in the Miri area, Sarawak. The results of the study show that there is a relationship between various intelligences and student achievement. This article will explain the concept of various intelligences, study methods, data analysis, and the implications of the study results for the education system.

**Keywords:** Multiple Intelligence, Student Achievement, Malay Language, Primary School

## 1. Pendahuluan

Pendidikan adalah aspek penting dalam pembangunan individu dan masyarakat. Dalam konteks pendidikan, terdapat banyak faktor yang mempengaruhi pencapaian pelajar di sekolah rendah. Salah satu faktor yang semakin mendapat perhatian adalah konsep kecerdasan pelbagai. Kecerdasan pelbagai merujuk kepada idea bahawa setiap individu mempunyai pelbagai jenis kecerdasan, dan penting untuk mengiktiraf dan memanfaatkan kecerdasan tersebut dalam proses pembelajaran.

Pada tahun 1983, Howard Gardner telah memperkenalkan konsep kecerdasan pelbagai. Gardner mengesyorkan bahawa terdapat pelbagai jenis kecerdasan yang melibatkan kemahiran

dan potensi yang berbeza. Antara jenis-jenis kecerdasan yang diiktiraf oleh Gardner termasuk kecerdasan verbal, kecerdasan logik-matematik, kecerdasan visual-ruang, kecerdasan muzikal, kecerdasan jasmani-kinestetik, kecerdasan interpersonal, kecerdasan intrapersonal, kecerdasan naturalis dan kecerdasan eksistensial. Setiap individu mempunyai kombinasi yang unik mengenai kecerdasan ini.

Pengiktirafan kecerdasan pelbagai melibatkan usaha untuk mengenalpasti kecerdasan individu dan memberikan peluang yang sesuai untuk perkembangan kecerdasan tersebut. Dalam konteks pendidikan, pengiktirafan kecerdasan pelbagai boleh dilakukan melalui beberapa cara:

- i. Pengajaran yang Berpusatkan Kecerdasan Pelbagai: Guru boleh merancang pengajaran yang merangkumi pelbagai jenis kecerdasan. Contohnya, dalam pengajaran bahasa, guru boleh menggabungkan elemen muzik atau seni visual untuk memahami kandungan.
- ii. Penilaian yang Menekankan Kecerdasan Pelbagai: Penilaian pelajar sepatutnya merangkumi pelbagai jenis kecerdasan. Ini memberi peluang kepada pelajar untuk menunjukkan potensi mereka dalam pelbagai bidang.
- iii. Aktiviti Luar Kurikulum yang Pelbagai: Sekolah boleh menyediakan aktiviti luar kurikulum yang merangkumi kecerdasan pelbagai, seperti kelas muzik, seni, sukan, dan program pembangunan interpersonal.
- iv. Sokongan Pelajar Berasaskan Kecerdasan Pelbagai: Sekolah boleh menyediakan sokongan tambahan kepada pelajar yang mempunyai kecerdasan tertentu. Misalnya, pelajar yang menunjukkan bakat dalam seni visual boleh diberi peluang untuk mengikuti program tambahan dalam bidang tersebut.

Banyak kajian telah dilakukan untuk mengenalpasti kecerdasan pelbagai di sekolah menengah ataupun institusi tinggi namun masih kurang pendekatannya dalam konteks sekolah rendah. Oleh yang demikian, kajian ini dijalankan untuk mengetengahkan dan mengenalpasti tahap kecerdasan pelbagai di sekolah rendah dalam daerah Miri, Sarawak. Selain itu, kajian ini untuk mengenalpasti kecerdasan pelbagai yang dominan diamalkan oleh pelajar tahap dua di Miri Sarawak. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji hubungan antara kecerdasan pelbagai dan pencapaian pelajar di sekolah rendah serta bagaimana pengiktirafan kecerdasan pelbagai boleh meningkatkan prestasi pelajar.

## **2. Sorotan Literatur**

Kajian dalam bidang pendidikan menunjukkan terdapat hubungan positif antara kecerdasan pelbagai dan pencapaian pelajar. Pelajar yang dapat mengenalpasti dan memanfaatkan kecerdasan pelbagai mereka cenderung mencapai prestasi yang lebih tinggi dalam pelbagai bidang pembelajaran. Sebagai contoh, pelajar yang memiliki kecerdasan interpersonal yang tinggi mungkin berjaya dalam kerjasama berkumpulan, sementara pelajar yang memiliki kecerdasan logik-matematik yang cemerlang mungkin berprestasi dalam subjek matematik.

Pengiktirafan kecerdasan pelbagai dalam kurikulum sekolah adalah penting. Ini memastikan bahawa semua jenis kecerdasan diberi perhatian yang setimpal dalam proses pembelajaran. Dalam pelaksanaan kurikulum, guru perlu mengenalpasti kecerdasan pelajar dan merancang pengajaran yang sesuai. Ini membolehkan pelajar mengembangkan potensi mereka dalam bidang yang mereka cemerlang.

### **Pencapaian Akademik**

Terdapat beberapa faktor mempengaruhi pencapaian akademik seseorang iaitu faktor luaran atau faktor dalaman. Faktor luaran iaitu faktor external seperti sokongan keluarga, kualiti

pengajaran dan pembelajaran manakala faktor dalaman seperti kecerdasan, minat dan motivasi seorang pelajar. Walaupun pencapaian akademik menjadi indikator yang penting dalam pendidikan, namun tidak semua pelajar memiliki kemampuan daripada aspek yang sama dalam pencapaian akademik. Setiap pelajar memiliki kekuatan dan kelemahan yang berbeza-beza dan penting untuk para guru dan pendidik untuk memberikan pengajaran yang sesuai berdasarkan keperluan masing-masing setiap pelajar.

Menurut Jia Hafizah (2015) menerusi tulisan daripada Chzin, Doreen Ting dan Shahlan Surat (2021) mendefinisikan pencapaian pelajar ialah perkara yang dicapai melalui usaha dan ketekunan individu terhadap ilmu dan penguasaannya terhadap mata yang dikumpulkan. Pencapaian ini diukur melalui keseluruhan kursus dengan mengambil kira gred dan skor mentah untuk subjek. (Hafizah, 2015). Kesimpulannya, pencapaian pelajar merupakan kayu ukur untuk kejayaan dan kegagalan seseorang individu. Pencapaian akademik diukur melalui ujian, projek dan penilaian secara berterusan sama ada di dalam atau di luar bilik darjah.

### **Kecerdasan Pelbagai**

Menurut Gardner (1993, 1999, 2013), kecerdasan pelbagai terbahagi kepada lapan cabang. Ia merangkumi verbal-linguistik, logik-matematik, intrapersonal, visual ruang, naturalis, interpersonal, kinestetik, muzik dan eksistensial. Verbal linguistik ialah keupayaan menggunakan bahasa dengan berkesan dalam pengucapan dan juga penulisan. Kecerdasan kinestetik ialah kebolehan untuk mengkoordinasikan pergerakan tubuh badan dan mengawal sesuatu objek dengan penuh kemahiran. Kecerdasan muzik pula ialah kemahiran untuk menggunakan muzik dalam persembahan dan gubahan. Ia merangkumi kebolehan untuk menghasilkan irama, lagu, rentak dan tempo dengan mudah (Gardner, 1983). Kecerdasan interpersonal ialah keupayaan untuk memahami orang lain dan menggunakan kemahiran itu untuk berinteraksi, mempengaruhi dan menyampaikan maksudnya. Kecerdasan intrapersonal adalah kebolehan untuk memahami diri sendiri, untuk menghargai perasaan orang lain. Kecerdasan naturalistik adalah kebolehan untuk mengenal pasti dan mengkategorikan spesies kehidupan dalam persekitaran. Kecerdasan logik matematik ialah kecerdasan untuk menganalisis dan menyelesaikan masalah secara logik dalam menjalankan operasi matematik dan menyiasat isu. Kecerdasan visual ruang adalah kebolehan seseorang membuat gambaran apa ada di atas kertas atau diminda secara visual. Kecerdasan eksistensial ialah berkaitan dengan agama dan kepercayaan yang membolehkan seseorang itu memahami unsur-unsur metafizikal ataupun yang tidak boleh dilihat dengan mata kasar tapi boleh diyakini dengan hati dan rohani. Menurut Mariana dan Zamri (2021), kecerdasan interpersonal dan intrapersonal adalah cabang kecerdasan yang dominan buat pelajar sekolah rendah, menengah mahupun pelajar universiti. Kajian ini sejajar dengan kajian Siti Rahayah (2011) yang menerangkan bahawa kecerdasan interpersonal telah mendominasi cabang kecerdasan yang lain. Kajian yang dilakukan oleh Gardner (1993) membuktikan bahawa muzik mampu membantu pelajar untuk menguasai perbendaharaan kata dan menguasai konsep penting dalam keadaan yang selesa. Hal ini disokong oleh Armstrong (2009) yang menyatakan bahawa pembelajaran di Eropah meningkat kerana berlatar belakangkan muzik.

Teori kecerdasan dapat mempengaruhi pencapaian akademik pelajar di sekolah kerana teori ini menunjukkan setiap pelajar mempunyai kecerdasan yang berbeza-beza dan cara belajar juga berbeza-beza. Dalam konteks ini, guru dan para pendidik dapat menggunakan strategi pembelajaran yang sesuai dengan kekuatan dan kelemahan pelajar sehingga dapat meningkatkan tahap pencapaian akademik pelajar.

### **Faktor Yang Mempengaruhi Pencapaian Akademik**

Menurut kajian, pencapaian akademik dipengaruhi oleh dua faktor utama iaitu faktor dalaman dan faktor luaran (Mohamad Rofian et al, 2020; Doreen Ting et al, 2021). Faktor dalaman dikenalpasti sebagai usaha dan sikap pelajar sendiri untuk berjaya manakala faktor luaran adalah perkara luaran yang mempengaruhi kejayaan seseorang pelajar. Faktor luaran merangkumi sistem pendidikan, guru-guru, kemudahan yang terdapat di sekolah, ibu bapa dan persekitaran keluarga. (Doreen Ting & Shahlan Surat, 2021). Dapatan daripada kajian tersebut menyatakan bahawa terdapat empat faktor yang mempengaruhi pencapaian akademik iaitu persekitaran pelajar, pelajar, sekolah dan guru. Persekitaran pelajar iaitu keluarga juga merupakan faktor yang mempengaruhi pencapaian akademik seperti penglibatan ibu bapa dan latar belakang keluarga. Kajian yang dilakukan oleh Basheer (1989), Candis (2003) dan Mohd Fazli (2007) mendapati bahawa pendidikan anak-anak pada peringkat awal adalah bermula daripada rumah. Perhatian, sokongan motivasi dan dorongan yang diberikan oleh ibu bapa dirumah menjadi asas pendidikan yang kukuh buat generasi muda masa kini. Faktor pelajar adalah disebabkan oleh sikap, minat, motivasi untuk belajar, gaya pembelajaran dan kesihatan mental dan fizikal pelajar. Seterusnya, faktor sekolah mengambil kira mengenai kepimpinan guru besar atau pengetua, fasiliti dan persekitaran sekolah. Faktor guru pula dibahagikan kepada ciri-ciri, strategi serta kaedah pengajaran guru.

### **Faktor Yang Mempengaruhi Kecerdasan Pelbagai**

Dalam kajian ini, terdapat beberapa faktor yang dikenalpasti mempengaruhi kecerdasan pelbagai. Faktor yang pertama ialah faktor keturunan atau genetik. Faktor ini merupakan warisan yang diperolehi oleh ibu bapa kandung.

Selain itu, faktor persekitaran juga mempengaruhi kecerdasan pelbagai. Pelajar yang kurang berkemampuan ataupun yang mempunyai taraf sosioekonomi yang rendah apabila tinggal dengan keluarga yang mempunyai taraf ekonomi tinggi akan meningkatkan lagi skor kecerdasan mereka. Ibu bapa juga sebagai model kepada anak-anak untuk meningkatkan tahap kecerdasan mereka. Suatu kajian mendapati bahawa anak angkat yang dibesarkan bersama anak kandung mempunyai tahap kecerdasan yang lebih kurang sama antara satu sama lain. Ini menunjukkan bahawa walaupun anak angkat tersebut tidak mempunyai hubungan biologi yang sama, namun apabila dibesarkan dalam persekitaran yang sama, ianya membawa pengaruh terhadap kecerdasan seseorang individu.

Pada masa kini, pencapaian akademik merupakan bahagian yang amat penting dan dianggap serius oleh ibu bapa dan guru. Pencapaian akademik yang cemerlang diukur dengan gred dan markah yang diperolehi daripada ujian dan peperiksaan yang dijalankan di sekolah. Pencapaian akademik yang baik juga merupakan tiket untuk melanjutkan pelajaran ke institut pengajian tinggi tempatan dan luar negara dan untuk mendapatkan pekerjaan.

### **Teori Dan Model Kecerdasan Pelbagai**

Teori dan model kecerdasan pelbagai yang digunakan dalam kurikulum di Malaysia dikenali sebagai IKeP iaitu inventori Kecerdasan Pelbagai yang merangkumi sembilan domain iaitu verbal-linguistik, kinestetik, muzik, logik-matematik, intrapersonal, interpersonal, eksistensial, naturalistik dan visual ruang. Kementerian Kecerdasan Malaysia telah memperkenalkan teori kecerdasan pelbagai pada tahun 2001 melalui Pusat Perkembangan Kurikulum yang kini dikenali sebagai Bahagian Perkembangan Kurikulum.

Kecerdasan pelbagai didefinisikan sebagai keupayaan otak yang tinggi (Sternbeg 1997). Gardner (1987) mendefinisikan kecerdasan sebagai set keupayaan yang membolehkan

seseorang menyelesaikan masalah atau menghasilkan produk yang mempunyai nilai dalam sesuatu budaya. Dalam kajian ini, kecerdasan pelbagai merujuk kepada kepakaran kecerdasan manusia yang mempunyai pelbagai kemahiran seperti kemahiran untuk menyelesaikan masalah, menangani masalah sesuai dengan masa dan keadaan dan juga kemahiran untuk menghasilkan output yang afektif (Gardner, 1983). Dalam kajian ini, kecerdasan diukur melalui inventori kecerdasan pelbagai yang mengandungi 90 soalan. Soalan itu terdiri daripada soalan aneka jawapan a, b c dan d.

### 3. Metodologi Kajian

Kajian ini telah dijalankan dengan menggunakan kajian kuantitatif yang menggunakan kaedah tinjauan. Data telah dikutip menggunakan borang soal selidik yang mengandungi 90 soalan dan dianalisis menggunakan perisian statistik sains sosial versi 22 serta dibentangkan dalam bentuk min, sisihan piawai dan peratusan. Populasi yang digunakan dalam kajian ini ialah pelajar tahap dua iaitu pelajar tahun 4, pelajar tahun 5 dan pelajar tahun 6 daripada sekolah rendah swasta di daerah Miri, Sarawak. 156 responden telah menyertai kajian ini dan semuanya merupakan pelajar tahap dua daripada 5 buah sekolah swasta yang terdapat di daerah Miri, Sarawak. Bagi mengekalkan kesahan dan kebolehpercayaan borang soal selidik, kajian rintis telah dijalankan kepada sepuluh orang peserta. Hasil kajian rintis tersebut menunjukkan item mempunyai kesahan kandungan yang tinggi.

### 4. Dapatan Kajian

#### Tahap Kecerdasan Pelbagai Pelajar

Dapatan kajian pada jadual 1 menunjukkan tahap kecerdasan pelajar sekolah rendah dalam Keputusan bahasa Melayu. Tahap kecerdasan verbal linguistik pelajar berada pada tahap sederhana tinggi (min=16.46, sp=2.37). Hal ini bermakna pelajar mempunyai kebolehan untuk menggunakan bahasa. Tahap kecerdasan logik matematik pula berada pada tahap tinggi (min=16.96, sp=2.93). Hal ini menunjukkan tahap matematik pelajar masih jauh meningkat berbanding bahasa. Seterusnya tahap visual ruang menunjukkan tahap yang rendah (min=16.15, sp=1.75). Hal ini menunjukkan kurangnya kebolehan pelajar untuk berfikir dan membentuk gambaran imej secara mental. Seterusnya tahap kinestatik pelajar juga rendah dengan (min=15.73, sp=1.67). Kecerdasan ini cenderung kepada pelajar untuk menggunakan tubuh badan untuk berkomunikasi dan memberi reaksi. Tahap kecerdasan muzik juga kurang digunakan oleh pelajar kerana ia berada pada tahap yang rendah (min=15.91, sp=1.67). Manakala kecerdasan interpersonal, naturalis dan eksistensial berada pada tahap yang sama iaitu sederhana tinggi dengan masing-masing (min=16.03, sp=2.48), (min=16.77, sp= 2.580 dan (min=15.53, sp=2.62). Kecerdasan interpersonal menunjukkan pelajar minat untuk bekerja dalam satu kumpulan. Manakala kecerdasan naturalis menunjukkan pelajar lebih gemar dan baik dengan berkesan dengan pembelajaran melalui luar bilik darjah. Hal ini berbeza dengan dapatan kecerdasan intrapersonal yang berada pada tahap yang tinggi (min=16.60, sp=2.94) yang menunjukkan keupayaan pelajar untuk menyelesaikan masalah dan melakukan pembelajaran secara bersendirian adalah pada tahap yang tinggi.

Hal ini menunjukkan bahawa cabang kecerdasan yang paling tinggi ialah Intrapersonal (min=16.60, sp=2.94) dan cabang kecerdasan yang paling rendah ialah kinestatik dan muzik dengan masing-masing (min=15.73, sp= 1.67) dan (min=15.91, sp=1.67).

**Jadual 1: Tahap Kecerdasan Pelbagai dalam Kalangan Pelajar**

Kecerdasan Pelbagai	Min (F)	Sisihan Piawai	Tahap
Verbal Linguistik	16.46	2.37	Sederhana tinggi
Logik Matematik	16.96	2.93	Tinggi
Visual Ruang	16.15	1.75	Rendah
Kinestetik	15.73	1.67	Rendah
Muzik	15.91	1.67	Rendah
Interpersonal	16.03	2.48	Sederhana Tinggi
Intrapersonal	16.60	2.94	Tinggi
Naturalis	16.77	2.58	Sederhana Tinggi
Eksistensial	15.53	2.62	Sederhana Tinggi

### Kecerdasan Pelbagai yang Dominan Diamalkan oleh Pelajar Tahap Dua

Jadual 2 menunjukkan data kecerdasan pelbagai yang dominan dalam kalangan pelajar tahap dua secara keseluruhan. Hal ini ditunjukkan dengan menggunakan nilai min dan sisihan piawai. Hasil kajian menunjukkan bahawa kecerdasan dominan yang dimiliki oleh pelajar ialah logik matematik, naturalis, intrapersonal dan verbal linguistik dengan nilai min dan sisihan piawai masing-masing sebanyak min 16.96,  $sp=2.93$ , min 16.77,  $sp=2.58$ , min 16.60,  $sp=2.94$  dan min 16.46,  $sp=2.37$ . kecerdasan logik matematik ialah yang paling dominan. Pelajar juga lebih meminati aktiviti penyiasatan, eksperimen dan berbincang untuk mendapatkan jawapan. Seterusnya kecerdasan dominan diikuti oleh kecerdasan visual ruang (min 16.15,  $sp=1.75$ ), kecerdasan interpersonal (min 16.03,  $sp=2.48$ ), kecerdasan muzik (min 15.91,  $sp=1.670$ ), kecerdasan kinestetik (min,15.73  $sp=1,67$ ) dan kecerdasan eksistensial (min 15.53,  $sp=2.62$ ). Hal ini dikatakan bahawa kecerdasan eksistensial yang paling tidak dominan dalam kalangan pelajar kerana kurang bergiat dalam dunia luar dan Masyarakat.

**Jadual 2 Kecerdasan Pelbagai yang dominan dalam kalangan pelajar**

Kecerdasan Pelbagai	Min (F)	Sisihan Piawai
Logik Matematik	16.96	2.93
Naturalis	16.77	2.58
Intrapersonal	16.60	2.94
Verbal Linguistik	16.46	2.37
Visual Ruang	16.15	1.75
Interpersonal	16.03	2.48
Muzik	15.91	1.67
Kinestetik	15.73	1.67
Eksistensial	15.53	2.62

## 5. Perbincangan kajian

Hasil kajian ini mendapati bahawa enam daripada sembilan domain kecerdasan pelbagai yang dikaji terhadap pelajar berada pada tahap yang tinggi iaitu logik matematik, verbal linguistik, interpersonal, intrapersonal, naturalis dan eksistensial. Hal ini menyokong kajian yang telah dibuat oleh Afifah (2012) dan Norrezzati (2012) yang mendapati bahawa pelajar mempunyai tahap kecerdasan intrapersonal yang tinggi dan berjaya mengatasi kecerdasan yang lain. Walaubagaimanapun, pelajar kurang terhadap domain visual ruang, kinestetik dan muzik. Hal ini berkemungkinan menyebabkan pelajar kurang boleh menggambarkan gambaran dimensi, kurang menggunakan badan dalam menyatakan idea, buah fikiran dan pendapat dan juga kurang dalam persembahan menggunakan perkataan.

Hasil kajian juga mendapati walaupun terdapat beberapa cabang kecerdasan yang rendah, namun ia masih diperlukan dan merupakan salah satu cabang untuk orang lain membuktikan kebolehan diri. Hal ini disokong oleh kajian daripada Doggun (2023) yang menyatakan bahawa walaupun seseorang pelajar hanya cemerlang dalam kecerdasan tertentu, mereka boleh cemerlang dalam sesuatu cabang kecerdasan sehingga ke tahap tertentu. Hasil kajian ini menunjukkan kepentingan untuk mengambil kira kecerdasan pelbagai dalam sistem pendidikan. Dalam konteks sekolah rendah, pendekatan pengajaran yang merangkumi pelbagai jenis kecerdasan mungkin lebih berkesan daripada pendekatan yang bersifat tunggal. Guru dan pentadbir sekolah perlu memahami kecerdasan pelbagai pelajar mereka dan menyediakan peluang yang sesuai untuk perkembangan kecerdasan tersebut.

Selain itu, kajian ini juga mengukuhkan pentingnya pendekatan rawak dalam pemilihan responden. Dengan menggunakan pendekatan ini, kajian dapat menghasilkan data yang lebih mewakili populasi pelajar di daerah Miri, Sarawak.

## **6. Kesimpulan**

Kecerdasan pelbagai adalah aspek penting dalam perkembangan pelajar di sekolah rendah. Kajian ini menunjukkan bahawa terdapat hubungan antara kecerdasan pelbagai dengan pencapaian pelajar sekolah rendah. Dengan memahami kecerdasan pelbagai pelajar dan memberikan peluang yang sesuai, sistem pendidikan dapat membantu pelajar mencapai potensi maksimum mereka. Implikasi hasil kajian ini adalah penting dalam usaha meningkatkan kualiti pendidikan di sekolah rendah. Selain itu, guru-guru juga dapat menambah baik pengajaran dan pembelajaran yang seterusnya kerana dapat mengenalpasti cabang kecerdasan pelbagai yang dominan dalam kalangan pelajar mereka. Oleh yang demikian, pihak pentadbir sekolah hendaklah menyediakan satu persekitaran yang kondusif untuk guru-guru mentaksir kebolehan dan keupayaan murid mereka yang merangkumi keseluruhan aspek dan potensi. Satu kajian lanjutan yang melibatkan matapelajaran lain boleh terus dilakukan pada masa hadapan untuk melihat dan mengaplikasikan kecerdasan pelbagai dalam setiap matapelajaran di sekolah.

Hasil kajian ini memberi implikasi yang penting kepada sistem pendidikan. Sekolah-sekolah perlu mempertimbangkan pengintegrasian kecerdasan pelbagai dalam kurikulum dan kaedah pengajaran. Pelbagai jenis kecerdasan pelajar harus diiktiraf dan diberi peluang untuk berkembang. Ini juga membawa kepada perubahan dalam cara penilaian dilaksanakan, di mana pelajar dinilai bukan hanya berdasarkan pencapaian akademik tradisional tetapi juga berdasarkan kecemerlangan dalam kecerdasan pelbagai.

## **Penghargaan**

Alhamdulillah segala puji bagi Allah SWT yang telah memberikan saya kesihatan yang baik, kelapangan masa untuk saya menyiapkan kajian ini. Jutaan terima kasih saya ucapkan kepada penyelia saya iaitu Dr. Shahlan Surat yang tidak jemu membetulkan kesalahan dan memberikan pendapat dan pandangan beliau dalam saya menyiapkan penulisan ini. Tidak mungkin saya dapat menyiapkan kajian ini tanpa bimbingan, tunjuk ajar, idea dan nasihat sepanjang melaksanakan kajian ini.

Ribuan terima kasih juga saya ucapkan kepada semua pihak yang turut membantu dalam saya menyiapkan kajian ini terutama kerana guru besar, guru-guru, ibu bapa, pelajar dan semua yang telah membantu saya sepanjang kajian ini dijalankan. Tiada ucapan yang mampu saya berikan selain daripada terima kasih. Disamping itu, saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada

rakan-rakan sekelas dalam sarjana pendidikan psikologi dan rakan-rakan guru di sekolah yang telah membantu daripada segi idea, pengetahuan, kewangan dan sokongan moral.

Ucapan terima kasih tidak terhingga juga saya ucapkan kepada mak, kakak-kakak, abang-abang dan semua adik beradik dan ahli keluarga yang sentiasa memahami cabaran yang alami dan memberikan sokongan kepada saya tidak kira dari sudut emosi, kewangan dan nasihat. Mereka merupakan tunggak utama untuk saya meneruskan pengajian ini dibalik cabaran-cabaran yang sentiasa saya alami dalam pekerjaan dan tempoh pengajian ini.

## Rujukan

- Afifah Syatirah. (2012). Kecerdasan Pelbagai dalam Kalangan Pelajar BPSP. Selangor: Universiti Putra Malaysia.
- Ariffin, S. R., Zin, R. A. A. M., & Mohamed, N. N. N. (2011). Faktor kecerdasan pelbagai dalam pembentukan profil remaja. *Malaysian Journal of Learning and Instruction*, 8, 183-204.
- Chzin, D. T. J., & Surat, S. (2021). Sorotan Literatur Bersistematik: Faktor-Faktor Mempengaruhi Pencapaian Akademik Pelajar. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(12), 137-157.
- DOĞGÜN, M. (2023). Comparison of Multiple Intelligence Theory in Visual, Affective and Kinesthetic Learning Forms of Team and Individual Athletes in 13-16 Years Age Group. *Eurasian Journal of Educational Research*, 103(103), 324-340.
- Gardner, H. 1983. *Frames of Mind: The Theory of Multiple Intelligences*. New York: Basic Books
- Gardner, H. E. (2013). Multiple Approaches to Understanding©. In *Instructional-design theories and models* (pp. 69-89). Routledge.
- Hamid, Z. A., Othman, J., Ahmad, A., & Ismail, I. A. (2011). Hubungan Antara Penglibatan Ibumama dan Pencapaian Akademik Pelajar Miskin di Negeri Selangor. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 3(2), 31-40.
- Norrezzati Mohd Ali. (2012). Kecerdasan Pelbagai dalam Kalangan Pelajar IPT. Kota Bharu: Penerbitan Kolej Jaiputra.
- Yusof, R. N. A. R., & Yaacob, N. R. N. (2022). Tahap Efikasi Kendiri Terhadap Aplikasi Teknologi Maklumat Dan Komunikasi Bagi Pengajaran Dan Pembelajaran Dalam Kalangan Guru Pendidikan Islam Sekolah Menengah Kebangsaan Di Pulau Pinang. *Asian People Journal (Apj)*, 5(1), 179-189.